

05 MAR 2002

DR MAHATHIR SAKSI PEMENTASAN CERITA RAKYAT KUWAIT

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Datuk Seri DR Mahathir Mohamad malam ini menyaksikan satu pementasan cerita rakyat Kuwait anjuran kedutaan negara itu di sebuah hotel di sini.

Ketibaan Perdana Menteri dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut oleh Duta Kuwait ke Malaysia Fahad Al-Mutari serta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Menurut Fahad persembahan selama dua jam itu merupakan gabungan persembahan tarian serta kebudayaan tradisional rakyat Kuwait yang dipentaskan oleh 27 anggota kumpulan kebudayaan Televisyen Kuwait.

Cerita itu terbahagi kepada tiga kategori yang mengisahkan masyarakat Kuwait yang mengharungi kehidupan di padang pasir, lautan dan di kota.

Perdana Menteri dalam ucapan ringkasnya sebelum persembahan bermula berharap usaha itu akan membantu dalam mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

AT AKT MAI